



4 Jun 2013
4 June 2013
P.U. (A) 172

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DOKTOR VETERINAR (PINDAAN JADUAL KEDUA) 2013

VETERINARY SURGEONS (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DOKTOR VETERINAR 1974

PERINTAH DOKTOR VETERINAR (PINDAAN JADUAL KEDUA) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 12(3) Akta Doktor Veterinar 1974 [Akta 147], Menteri, selepas berunding dengan Majlis, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Doktor Veterinar (Pindaan Jadual Kedua) 2013.**

Pindaan Jadual Kedua

2. Akta Doktor Veterinar 1974 dipinda dalam Jadual Kedua—

(a) dalam Bahagian I—

(i) berhubung dengan negara “Australia”, dengan memasukkan selepas butiran “University of Sydney” dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran yang berikut:

Institusi yang memberikan kelulusan

Perihal kelulusan

“Murdoch University

Bachelor of Veterinary Medicine and Surgery”;

(ii) berhubung dengan negara “Indonesia”, bagi butir-butir yang berhubungan dengan butiran “Universitas Airlangga”, dengan memasukkan selepas perkataan “Doctor of Veterinary Medicine” perkataan “(Diiktiraf pada 23.12.2011)”; dan

(iii) dengan memasukkan selepas negara “United Kingdom” dan butiran yang berhubungan dengannya negara, butiran dan butir-butir yang berikut: